



KUATKAN SEMANGAT: Encik Shariff, yang juga dikenali sebagai Blade Runner Singapura, tidak membiarkan cabaran yang dihadapinya menjadi rintangan untuk mengambil bahagian dalam acara walkaton 50 kilometer September ini. – Foto KHALID BABA

Blade Runner yakin boleh sertai walkaton seperti peserta lain

JIKA mereka boleh, sudah tentu saya juga boleh!

Itulah kata-kata yang membakar semangat Blade Runner Singapura yang tidak asing lagi, Encik Mohd Shariff Abdullah, untuk mengambil bahagian dalam walkaton atau kegiatan jalan pantas *Lets Take A walk 2017*.

Berdepan dengan pelbagai cabaran, beliau tidak akan membiarkan kaki kudungnya menjadi penghalang baginya menyertai acara jarak laluan 50 kilometer itu nanti.

Encik Mohd Shariff, 48 tahun, pernah mengambil bahagian dalam acara yang sama pada 2015 dan pengalamannya itu telah memperkasa dirinya dalam membuat persiapan yang lebih giat bagi acara tersebut September ini.

“Pada 2015, setelah berjalan selama beberapa jam, bahagian antara bawah lutut dan kaki prostetik saya meleceh.

“Sebabnya ialah ia dibalut dan tidak ada pengalihan udara di situ.

“Semasa acara itu saya terpaksa meminta bantuan salah seorang pelari yang merupakan teman saya membeli gel Vaselin yang kemudian saya sapukan pada kulit saya supaya sakitnya berkurangan,” terangnya.

Encik Mohd Shariff sudah pun memulakan latihannya bagi acara walkaton itu dengan memanjat tangga sambil mengangkat beg yang berisi barangan supaya dapat meningkatkan tahap kesukaran.

Beliau, yang dilahirkan dengan

kaki kirinya kudung di bawah lutut, berkata ramai tidak mengetahui cabaran yang dihadapinya itu.

“Apabila saya berlari maraton, saya perlu membawa beg seberat lima kilogram yang mengandungi kaki prostetik tambahan, alat-alat lain seperti pemutar skru, kit pertolongan cemas dan air.

“Namun, ia tidak mematahkan semangat saya mengambil bahagian, malah ia menjadi pendorong.

“Saya melihat orang lain dan jika mereka boleh melakukannya, sudah tentu saya juga boleh,” katanya, yang bertugas sebagai pakar keselamatan.

Walkaton itu membolehkan peserta mengikuti jejak yang agak unik, memasuki estet perumahan dan melalui tempat agama.

Bagi jejak 50 kilometer itu, ia boleh mengambil masa sehingga 15 jam.

“Semasa walkaton 2015, apabila saya bersama peserta lain ke masjid untuk solat, saya mengambil masa yang lebih lama di sana berbanding mereka kerana saya perlu membuka kaki prostetik saya dan mengambil wuduk.

“Saya risau kerana mereka menunggu saya setelah mereka selesai solat, tetapi saya gembira kerana mereka berkata mereka bersedia menunggu saya sebelum menyambungkan walkaton itu bersama-sama,” ujarnya.

Seperti acara 2015, Encik Shariff bercadang memasuki acara itu secara berkumpulan.